

# CJ TECHNICAL UPDATES



Program Keselamatan Oleh  
Bahagian Audit Dan Program  
Keselamatan Jalan Cawangan  
Jalan

## BLACKSPOT

Issue No.  
**4**  
4/2021

JKR 20400-0253-21

Website: <http://www.jkr.gov.my>

ISSN 2231-7988

## 1.0 PENGENALAN

Malaysia merupakan antara negara yang merekodkan kadar kematian jalan raya yang tinggi di Asia Tenggara. Antara faktor yang boleh dikaitkan adalah **kecuaian pengguna** sebanyak 93%, **keadaan kenderaan** sebanyak 13% dan juga **persekitaran jalan raya** sebanyak 34%. Kekurangan dari segi aspek kejuruteraan jalan raya mungkin menyebabkan atau menyumbang kepada kemalangan. Topik kali ini akan memfokuskan bagaimana kaedah siasatan kawasan berbahaya jalan raya yang telah dirawat dari tahun 2018 hingga tahun 2021.

Jabatan Kerja Raya Malaysia yang bertindak sebagai badan teknikal negara melalui Bahagian Audit & Program Keselamatan Jalan (BAPKJ), Cawangan Jalan terlibat dalam pengurusan keselamatan jalan raya. Antara program keselamatan yang dilaksanakan adalah Program *Blackspot* iaitu program memperelok lokasi yang berlaku kemalangan jalan raya secara tertumpu dan lokasi jalan yang mempunyai rekod sejumlah besar kemalangan dengan *pattern* yang sama.

### 1.1      OBJEKTIF *BLACKSPOT*


Mengurangkan kadar risiko berlaku kemalangan berulang di kawasan yang sama dan kerap berlaku kemalangan.

### 1.2      INTERVENSI *BLACKSPOT*

**5 atau lebih jenis kemalangan** berlaku dalam lingkungan 50m ‘radius’ dalam tempoh 3 tahun; atau

**3 atau lebih kemalangan** jenis yang sama berlaku dalam lingkungan 50m ‘radius’ dalam tempoh 3 tahun.

### 1.3 PROSES PELAKSANAAN KAJIAN LOKASI BERBAHAYA *BLACKSPOT*



**Rajah 1:** Carta Alir Pelaksanaan Kajian Lokasi Blackspot

Carta alir di atas merupakan proses pelaksanaan kajian lokasi berbahaya *blackspot*.

## 2.0 ANALISA DATA KEMALANGAN

Dalam proses pelaksanaan kajian lokasi berbahaya *blackspot*, keperluan data amatlah penting bagi mengenalpasti ciri kemalangan yang telah berlaku. Perkara asas dalam kajian data kemalangan bagi suatu lokasi adalah berdasarkan Borang POL27. Borang ini disediakan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi setiap kemalangan yang dilaporkan dan akan diserahkan kepada JKR Daerah mengikut lokaliti sebagai rekod.

Melalui Borang POL27 jenis kemalangan jalan raya atau *pattern* kemalangan yang telah berlaku dapat diketahui dan dapat memberi gambaran awalan keadaan sesuatu kawasan yang dikatakan *blackspot* itu. Antara perkara yang dapat dikenalpasti dan di analisa pada Borang POL27 adalah;

<b>Jenis Kemalangan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Maut</b> (Fatal): sekurang-kurangnya satu orang mati dalam masa 30 hari dari tarikh kejadian.</li> <li><b>Parah</b> (Cedera Serius): sekurang-kurangnya satu orang mengalami kecederaan serius, tetapi tidak terbunuh.</li> <li><b>Ringan</b> (Kecederaan Minor): sekurang-kurangnya satu orang cedera tetapi tidak terbunuh atau cedera parah.</li> <li><b>Rosak Sahaja</b> (Kerosakan / Tidak cedera): Kemalangan jalan raya di mana tidak ada orang yang terbunuh atau cedera.</li> </ul>
<b>Faktor Kemalangan</b>	<p><b>a) Pemandu</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Keletihan - terlalu letih untuk memandu kerana melebihi waktu kerja maksimum dan waktu memandu dibenarkan;</li> <li>Di bawah pengaruh ubat - untuk memerangi rasa mengantuk dan keletihan.</li> <li>Kurang pengetahuan dan pengalaman mengenai risiko dan pengurusan perjalanan.</li> </ul> <p><b>b) Kenderaan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Struktur - Kebanyakan kenderaan tidak mematuhi spesifikasi WP29 yang mengakibatkan bumbung runtuh, kegagalan struktur atas;</li> <li>Tayar – Benang tayar di beberapa kenderaan yang haus sepenuhnya;</li> <li>Tekanan angin tayar yang tidak betul</li> <li>Sistem brek - Masalah dengan kualiti alat ganti brek yang lemah, misalnya pad brek dan lapisan brek.</li> </ul> <p><b>c) Persekutaran Jalan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Terlalu banyak bahaya di tepi jalan</li> <li>Tiada pembahagi jalan di median</li> <li>Bahaya di persimpangan</li> <li>Akses yang terlalu banyak</li> <li>Bahu jalan yang sempit</li> <li>Tandaan jalan yang pudar</li> <li>Isu yang berkaitan dengan penghadang jalan</li> </ul>
<b>Jenis Perlanggaran</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Depan dengan depan</li> <li>Langgar belakang</li> <li>Langgar rusuk tepat</li> <li>Langgar sebelah tepi</li> <li>Bergesel</li> <li>Terhimpit</li> <li>Langgar binatang</li> <li>Langgar objek di jalan</li> <li>Langgar objek di luar jalan</li> <li>Langgar pejalan kaki</li> <li>Terbatas</li> </ul>

## **2.1 Isu-Isu Dan Permasalahan Yang Dihadapi**

Borang POL27 adalah maklumat yang penting dan lengkap dalam melaksana kajian dan analisa awalan bagi sesuatu lokasi *blackspot*. Di dalam borang POL27, terdapat item yang mempunyai keterangan-keterangan bagi kemalangan yang dilaporkan seperti masa, tarikh, jenis kemalangan, jenis pelanggaran, jenis cuaca, bilangan kematian dan lain-lain lagi. (Rujuk **Gambar 1**)

**Gambar 1:** Menunjukkan item dan keterangan dalam borang POL27

Sepanjang pelaksanaan kajian rawatan lokasi *blackspot*, terdapat beberapa isu ditemui yang melibatkan kelengkapan borang POL27. Perkara ini perlu diambil perhatian bagi memastikan kelancaran proses kajian dapat dilaksanakan dengan sempurna. Antara isu-isu yang ditemui adalah:

Koordinat lokasi *blackspot* yang tidak tepat

Kesinambungan penceritaan dalam borang POL27

Lakaran kemalangan

### 2.1.1 Koordinat Lokasi *Blackspot* Yang Tidak Tepat

Koordinat lokasi *blackspot* merupakan antara elemen utama dalam menentukan ketepatan lokasi berlakunya kemalangan di salah satu kawasan dalam lingkungan 50 m ‘radius’ dalam tempoh 3 tahun. Perkara ini dilihat banyak berlaku semasa penerimaan data borang POL27 daripada pihak JKR Daerah, dimana koordinat yang diterima tidak tepat dilokasi berlakunya kemalangan tersebut (rujuk **Gambar 2** dan **Gambar 3**).

MUKA SURAT 1/2		POL27 (Pn. 191-2Cn-199)											
POLIS DIRAJA MALAYSIA LAPORAN KEMALANGAN JALAN RAYA		NO. BATCH		PEGAWAI YANG MENGGELIR HORANG				DISEMAK OLEH					
		NO. RUJ. TRAFIK		TITJANAN NO. PPKT				TITJANAN PEGAWAI PERTAMA TAHUN / ADARHENI SARATHMAN TACP					
				NAMA				IFD KELANGAN / ORBENGABU/BANGKAK/GUNUNG/PERDAMASANTU ID KELANGAN/ORBENGABU					
A. BUTIR-BUTIR MASA KEJADIAN		KOD BALAI		1. Negri - @		2. Daerah - 06		3. Balai - 99					
4. NO. LAPORAN : 008877		9. HARI KEJADIAN		: 5		14. BIL. PENUMPANG MATI		: 1					
5. TARUN : 2017		10. BIL. KENDERAAN TERLIBAT		: 3		15. BIL. PENUMPANG CEDERA		: 0					
6. BILAN : 06 (01 - 12)		11. BIL. KENDERAAN ROSAK		: 0		16. BIL. PEJALAN KAKIMATI		: 0					
7. TARIEH : 01 (31 - 31)		12. BIL. PEMANDU MATI		: 0		17. BIL. PEJALAN KAKICEDERA		: 0					
8. MASA KEJADIAN : 1900 (0 - 2359)		13. BIL. PEMANDU CEDERA		: 0		18. JENIS KEMALANGAN		: 1					
B. BUTIR-BUTIR JALAN RAYA													
19. JENIS PERMUKAAN : 3		24. JENIS GARIS		: 4		29. JENIS BAHU JALAN		: 2					
20. SISTEM LALULINTAS : 2		25. LANGGAR LARU		: 2		30. KECACATAN JALAN		: 12					
21. BENTUK JALAN : 2		26. JENIS KAWALAN		: 9		31. HAD LARU		: 4					
22. KUALITI PERMUKAAN : 1		27. LEBAR JALAN		: 6		32. KEADAAN PERMUKAAN		: 1					
23. KEADAAN JALAN : 2		28. LEBAR BAHU JALAN		Kiri : 0 Meter Kanan : 0 Meter		33. JENIS PELANGGARAN		: 12					
C. SUASANA SEKITAR		34. JENIS CUACA : 1				35. JENIS CAHAYA : 1							
D. LOKASI													
36. JENIS JALAN : 3		38. JENIS TEMPAT : 2				39. JENIS KAWASAN : 7							
37. NO. LALUAN : P0050		NAMA JALAN/SIG : JLN BATU PAHAT-MERSING											
E. BUTIR-BUTIR KENDERAAN													
BIL. 41		42		43		44		45		46			
1	TOYOTA - HILUX	JRE6111	W0	1	4	10	11	2	0	2	6		
2	PROTON - PUTRA	W1813503	D0	1	7	5	11	2	0	2	6		
3	YAMAHA - NOLVO	JNV2739	B2	1	4	10	11	2	0	2	6		
F. BUTIR-BUTIR PEMANDU													
BIL. S7 S3 S4		Kelas Lesen/Tarikh/PSV		55		56		57		58			
1	3.8	2	DB31/02/01752	2	4	4	6	9	15	3	4		
2	1	2.5	11	D2/03/02/0182	2	4	4	6	9	14	4		
3	1	26	3	B2/D03/07/0172	2	4	4	6	9	15	4		
G. BUTIR-BUTIR KE CEDERAAN													
BIL. NAMA PENUMPANG													
BIL. NAMA PEJALAN KAKI													
80. SEDAR BINATANG : 4		81. RM KEROSAKAN KENDERAAN : 0				82. RM KEROSAKAN HARTA : 0							
IL. MAKLUMAT TAMBAHAN													
83. PosKometer : 0		86. Kod Peti :				89. Nod 1 :							
84. 100 Meter Terhampir : 0		87. Latitud :				90. Nod2 :							
85. Siri Peti :		88. Longitud :				91. Arah :							

Tiada Koordinat

**Gambar 2:** Menunjukkan tiada kedudukan koordinat dalam borang POL27

MUKA SURAT 1/2		POL27 (Pin. 1/91-2Crs-1/99)											
<b>POLIS DIRIKAJALAN MELAKA LAPORAN KEMALANGAN JALAN RAYA</b>		<b>NO. BIL</b>	<b>PEGAWAI YANG MENGGISI BORANG</b>										
		<b>NO. RUJ. TRAFIK</b>	<b>TITANGAN</b>										
			<b>NO. JCN / NAD SAHAWAN / NO. JLN</b>										
			<b>NAMA</b>										
			<b>FEDAWATI FEDRIYAH TRAFFIC BHD RINGGAM, TUNKU</b>										
			<b>NAMA</b>										
			<b>KBSPTD</b>										
			<b>(PPD) KLUANG</b>										
<b>A. BUTIR-BUTIR LAPORAN/MASA KEJADIAN</b>		<b>KOD BALAI</b>	<b>1. Negri - 02</b>										
			<b>2. Daerah - 06</b>										
			<b>3. Balai - 99</b>										
4. NO. LAPORAN : 001301		9. HARI KEJADIAN	: 2										
5. TAHUN : 2017		10. BIL. KENDERAAN TERLIBAT	: 1										
6. BULAN : 02 (01-12)		11. BIL. KENDERAAN ROSAK	: 0										
7. TARikh : 20 (01-31)		12. BIL. PEMANDU MATTI	: 1										
8. MASA KEJADIAN : 0115 (01-2359)		13. BIL. PEMANDU CEDERA	: 0										
		14. BIL. PENUMPANG MATI	: 0										
		15. BIL. PENUMPANG CEDERA	: 0										
		16. BIL. PEJALAN KAKI MATI	: 0										
		17. BIL. PEJALAN KAKI CEDERA	: 0										
		18. JENIS KEMALANGAN	: 1										
<b>B. BUTIR-BUTIR JALAN RAYA</b>													
19. JENIS PERERUPAKAN : 3		24. JENIS GARIS	: 4										
20. SISTEM LALULINTAS : 4		25. LANGAR LARI	: 2										
21. BENTUK JALAN : 1		26. JENIS KAWALAN	: 9										
22. KUALITI PERMUKAAN : 1		27. LEBAR JALAN	: 10										
23. KEDAAN JALAN : 1		28. LEBAR BAHU JALAN	Kiri : 2 Meter Kanan : 2 Meter										
		29. JENIS BAHU JALAN	: 2										
		30. KECACATAN JALAN	: 12										
		31. HAD LAU	: 2										
		32. KEADAAN PERMUKAAN	: 1										
		33. JENIS PELANGGAN	: 12										
<b>C. SUASANA SEKITAR</b>		34. JENIS CUACA	: 1										
		35. JENIS CAHAYA	: 3										
<b>D. LOKASI</b>													
36. JENIS JALAN : 3		38. JENIS TEMPAT	: 4										
37. NO. LALUAN : 30050		NAMA JALAN/SPG : F0050 - JLN BATU PAHAT-MERSING	39. JENIS KAWASAN : 7										
<b>E. BUTIR-BUTIR KENDERÉAAN</b>													
<b>BIL.</b>	<b>41</b>	<b>42</b>	<b>43</b>	<b>44</b>	<b>45</b>	<b>46</b>	<b>47</b>	<b>48</b>	<b>49</b>	<b>50</b>	<b>51</b>		
1	TOYO - AVANZA	JKK5115	DD	1	2	10	11	2	0	2	6		
<b>F. BUTIR-BUTIR PEMANDU</b>													
<b>BIL.</b>	<b>52</b>	<b>53</b>	<b>54</b>	<b>Kelasi Lesen/Tarikh/PSV</b>	<b>55</b>	<b>56</b>	<b>57</b>	<b>58</b>	<b>59</b>	<b>60</b>	<b>61</b>	<b>62</b>	<b>63</b>
1	1	25	2	626-02-20212	2	3	1	9	15	3	1	5	
<b>G. BUTIR-BUTIR KECEDERAAN</b>													
<b>BIL.</b>	<b>NAMA PENUMPANG</b>		<b>Koordinat</b>		<b>64</b>	<b>65</b>	<b>70</b>	<b>71</b>					
<b>BIL.</b>	<b>NAMA PEJALAN KAKI</b>				76	77	78	79					
80	SERAD BINATANG : 4		81. RM KEROSAKAN KENDERÉAAN		82. RM KEROSAKAN HARTA	: 0							
83. Pos Kilometer : 0	86. Kod Petu	87. Latitude : 2.035	88. Longitude : 103.1648	89. Nod 1	90. Nod 2	91. Arah	: 3						

Gambar 3: Menunjukkan kedudukan koordinat dalam borang POL27

### 2.1.2 Kesinambungan Penceritaan Dalam Borang POL27

Penceritaan dalam borang POL27 juga merupakan elemen yang penting dalam menentukan masa, waktu, jenis, dan bagaimana kemalangan berlaku di lokasi kemalangan tersebut. Penceritaan yang tidak tepat akan menyukarkan proses penyediaan data seperti *stick diagram*, makro analisis dan juga *collision diagram* (rujuk Gambar 4).

**Penceritaan**

MUKA SURAT 1/1	POL27 (Pin. 1/91-2Crs-1/99)	
<b>L. ULASAN</b>		
PADA 02/08/2018 JAM LEBIH KURANG 1.30 PETANG SEMASA (A) MENGELAKU M/KAR WJV9920 DARI KOTA BHARU MENGHALA KE TANAH MERAH APABILA SAMPAI DI KG GALOK TIBA-TIBA ADA SERUAH M/SIKAL JLH428 KELUAR LORONG SEBELAH KIRI SCARA MENGEJUT,(A) CUBA MENGELOAK LALU M/SIKAL TERSEBUT TERDAPAT MELANGGAR BAHAGIAN DEPAN SEBELAH KIRI M/KAR (A) MENGLAMI KEROSAKAN LAMPU DEPAN KIRI PECAH,CERMIN DEPAN PECAH,POWER STERING PECAH,BUMPER DEPAN KEMEK,BONET DEPAN KEMEK DAN LAIN-LAIN KEROSAKAN BESAR PASTI. (A) TIDAK MENGLAMI KECEDERAAN.		
2. KELUAR SIASAT		
SIJ 114730 DAN JURUGAMBAR KPL 144889 PERGI KE TEMPAT KEJADIAN MENGGUNAKAN KENDERÉAAN PASUKAN NO W56B. TEMPAT KEJADIAN MERAUPAKAN JALAN YANG LURUS DAN BERTAR BAIK, TERDAPAT GARISAN PUTIH PUTUS-PUTUS DI BAHAGIAN TENGAH JALAN DENGAN GARISAN PUTIH MEMANJUNG DARI KIRI DAN KANAN JALAN.KENDERÉAAN TERLIBAT TELAH DIALIH: RAJA KASAR DILAKAR DAN GAMBAR DIRAKAM.		
3. KECEDERAAN		
3.1. PEMANDU M/KAR NO.WJV9920 TIADA KECEDERAAN		
3.2. PENUNGGANG M/SIKAL NO.JLH428 RETAK TULANG PAHA KANAN DAN LUKA DI SIKU KIRI (BELUM BUAT LAPORAN POLIS)		
4. KEROSAKAN		
4.1. M/KAR NO.WJV9920 LAMPU DEPAN KIRI PECAH,CERMIN DEPAN PECAH,POWER STERING PECAH,BUMPER DEPAN KEMEK,BONET DEPAN KEMEK		
4.2. M/SIKAL NO.JLH428 PECAH PENUTUP BATERI KANAN, RAGA BENGOK (BELUM BUAT LAPORAN POLIS)		
5. HASIL SIASATAN		
HASIL SIASATAN AWAL YANG DIJALANKAN, (A) YANG MEMANDU M/KAR WJV9920 DARI KOTA BHARU MENGHALA KE TANAH MERAH BERHENTI SEKETIKA DI PASAR BORONG KG GALOK. SELESAI MEMBELI BARANGAN DI PASAR BORONG TERSEBUT, (A) MENERUSKAN PERJALANANNYA KE TANAH MERAH. SEBAIK SAHAJA SAMPAI BERHAMPIR LORONG DI SEBELAH KIRI DARI ARAH PASIR MAS, TIBA-TIBA SEBUAH M/SIKAL JLH428 KELUAR DARI LORONG TERSEBUT SECARA MENGEJUT. (A) CUBA MENGELOAK TETAPI M/SIKAL TERSEBUT MELANGGAR BAHAGIAN DEPAN SEBELAH KIRI M/KAR (A) SIASATAN MASIH DI JALANKAN. MAKLUM HASIL SIASATAN AWAL KEPADA I.O.BERTUGAS INSP.MOHD RILL IKHWAN BIN SAPILI DAN ARAHANNYA BUKA KERTAS SIASATAN DI BAWAH R3(2)(B)JLN166/59.		

Gambar 4: Menunjukkan penceritaan dalam borang POL27

### 2.1.3 Lakaran Kemalangan

Di dalam borang POL27, lakaran kemalangan juga penting untuk melihat bagaimana bentuk atau jenis kemalangan yang berlaku di kawasan *blackspot*. Dalam proses penyediaan *collision diagram*, bentuk atau jenis perlanggaran dapat dilukis dengan adanya lakaran kemalangan di dalam borang POL27 (rujuk **Gambar 5** dan **Gambar 6**).

**Lakaran kemalangan**

**I. LAKARAN KEJADIAN** (\*Lukis arah pergerakan kend. no. kend. serta tanda lain di "spot" kejadian)

**J. LAKARAN LOKASI KEJADIAN** (\*Lukis kedudukan lokasi kejadian merujuk kepada tanda tetap)

**K. POS KILOMETER TERDEKAT**

**L. ULASAN**

**Gambar 5:** Menunjukkan lakaran kemalangan dalam borang POL27

**MUKA SURAT 2/3** POL27 (Pin. 1/91-2Crs-1/99)

**I. LAKARAN KEJADIAN** (\*Lukis arah pergerakan kend. no. kend. serta tanda lain di "spot" kejadian)

**J. LAKARAN LOKASI KEJADIAN** (\*Lukis kedudukan lokasi kejadian merujuk kepada tanda tetap)


**K. POS KILOMETER TERDEKAT**

**L. ULASAN**

**Gambar 6:** Menunjukkan tiada lakaran kemalangan dalam borang POL27

### 3.0 FAKTOR-FAKTOR KEMALANGAN YANG KERAP BERLAKU

Dalam tempoh empat (4) tahun pelaksanaan rawatan lokasi *blackspot* yang mempunyai 114 lokasi, adalah didapati terdapat enam (6) faktor kemalangan yang paling kerap berlaku dan ditemui di lokasi rawatan. (Sila rujuk **Rajah 2** di bawah).



**Rajah 2 : Analisa Faktor Kemalangan yang Kerap Berlaku (Tahun 2018 – 2021)**

Hasil analisa faktor kemalangan yang kerap berlaku adalah seperti berikut;

- i. Geometrik – 95 penemuan
- ii. Keperluan Pemasangan Fasiliti Keselamatan Jalan Raya – 89 penemuan
- iii. Permukaan Jalan dan Bahu Jalan – 84 penemuan
- iv. Papan Tanda – 84 penemuan
- v. Garisan Jalan - 67 penemuan
- vi. Lampu Jalan dan Lampu Isyarat - 42 penemuan

Berikut merupakan keterangan bagi setiap jenis faktor kemalangan yang mencatatkan kekerapan yang tinggi;

#### i. Geometrik

Mempengaruhi persepsi pemandu mengenai tahap keselamatan dan tingkah laku ketika memandu, kelajuan dan masa reaksi pemandu. Namun di dalam rekabentuk jalan terdapat juga isu geometrik yang tidak mencapai tahap keselamatan kepada pengguna jalan raya seperti *sight distance* yang terhad, *substandard horizontal and superelevation of curves*, lebar lorong yang tidak konsisten, air larian permukaan yang tidak sempurna, kedudukan persimpangan yang tidak sesuai dan juga akses- akses yang tidak terkawal.

#### ii. Keperluan Pemasangan Fasiliti Keselamatan Jalan Raya

Mempengaruhi keberkesanan dalam memberikan maklumat, panduan dan kemudahan serta amaran kepada pengguna jalan raya. Walau bagaimanapun, kecukupan pemasangan fasiliti keselamatan jalan raya perlu dipastikan dipasang pada kawasan yang berbahaya dan sering berlaku kemalangan.

#### iii. Permukaan Jalan Dan Bahu Jalan

Melibatkan pemeriksaan *skid resistance*, kedalaman tekstur, kecacatan permukaan turapan seperti jalan yang berlubang (*potholes*), permukaan turapan yang bergelombang dan air yang bertakung (*waterponding*) di mana faktor-faktor ini mempengaruhi keselesaan dan kestabilan kenderaan semasa memandu.

#### iv. Papan Tanda

Mempengaruhi keberkesanan dalam memberikan maklumat, panduan dan amaran kepada pengguna jalan raya. Walau bagaimanapun, kecukupan papan tanda perlu dipastikan dipasang pada kawasan yang berbahaya dan sering berlaku kemalangan. Perkara ini dapat membantu dan meningkatkan lagi tahap keselamatan pengguna jalan raya apabila melalui kawasan tersebut.

#### v. Garisan Jalan

Mempengaruhi keberkesanan dalam memberikan maklumat, panduan dan amaran kepada pengguna jalan raya. Walaubagaimanapun, pemeriksaan terhadap fungsi dan kualiti garisan jalan di kawasan yang berbahaya dan sering berlaku kemalangan masih perlu dilaksanakan. Ini bagi mengenalpasti garisan jalan yang digunakan dapat membantu pengguna jalan raya semasa melalui kawasan berbahaya terutama pada waktu malam dan juga hari hujan.

#### **vi. Lampu Jalan dan Lampu Isyarat**

Mempengaruhi keberkesanan dalam memberikan pencahayaan pada waktu malam dan juga memastikan aliran trafik di persimpangan berlampu isyarat lebih lancar dan kelengahan di persimpangan masih dalam lingkungan yang dibenarkan. Walau bagaimanapun, pemeriksaan perlu dibuat terhadap kualiti pencahayaan lampu jalan di kawasan yang berbahaya dan sering berlaku kemalangan. Ini bagi mengenalpasti kecukupan pemasangan lampu jalan di kawasan tersebut terutama di persimpangan berlampu isyarat.

## **4.0 CIRI-CIRI RAWATAN LOKASI BLACKSPOT**


Penentuan jenis rawatan di sesebuah lokasi *blackspot* adalah merujuk kepada diagnosis dan hasil kajian di tapak di mana kaedah yang dilaksanakan adalah sesuai dari pelbagai strategi keselamatan untuk mencapai pengurangan kadar kemalangan dan keparahan dengan mengoptimumkan perbelanjaan yang telah dirancang.

Terdapat beberapa ciri yang perlu diaplikasikan dalam pelaksanaan rawatan bagi memastikan objektif program rawatan *blackspot* ini. Antara ciri-cirinya adalah seperti berikut:

- i. Rawatan skala kecil (kos)
- ii. Rawatan jangka masa pendek
- iii. Skop penambahbaikan yang dijalankan mempunyai impak yang tinggi

Berikut merupakan analisa Cadangan Penambahbaikan yang Paling Kerap Disyorkan bagi 4 tahun pelaksanaan program rawatan *blackspot*. (Sila rujuk Rajah 3 di bawah)

## CADANGAN PENAMBAHBAIKAN YANG PALING KERAP DISYORKAN TAHUN 2018 - TAHUN 2021



**Rajah 3:** Cadangan penambahbaikan yang paling kerap disyorkan dari tahun 2018 hingga tahun 2021

Hasil analisa cadangan penambahbaikan yang paling kerap disyorkan adalah seperti berikut;

- i. Mengecat semula tandaan jalan dan garisan jalan – 126 cadangan penambahbaikan
- ii. Memasang dan mengganti semula papan tanda – 108 cadangan penambahbaikan
- iii. Memasang dan mengganti semula *retro reflective pavement marker* (RRPM) – 102 cadangan penambahbaikan
- iv. Menjalankan kerja-kerja pembaikan turapan jalan – 85 cadangan penambahbaikan
- v. Memasang dan mengecat semula *transverse bar* – 86 cadangan penambahbaikan
- vi. Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan – 61 cadangan penambahbaikan

Merujuk kepada Rajah 2, faktor kemalangan yang kerap berlaku dapat dihubungkaitkan dengan Rajah 3 iaitu cadangan penambahbaikan yang paling kerap disyorkan. Rawatan di lokasi yang mempunyai isu geometri seperti keratan rentas dapat ditambahbaik dengan membuat tandaan jalan semula agar dapat mengurangkan kemalangan berlaku tanpa melibatkan kos yang tinggi. Berikut merupakan keterangan kerja bagi setiap cadangan penambahbaikan;

#### i. Mengecat Semula Tandaan Jalan Dan Garisan Jalan

Mengecat semula tandaan jalan dan garisan jalan yang telah pudar adalah penting di kawasan yang berbahaya dan mempunyai kadar kemalangan yang tinggi. Tindakan ini adalah bagi meningkatkan lagi delinasi di permukaan jalan di kawasan tersebut terutama pada waktu malam dan juga hari hujan.

#### ii. Memasang dan Mengganti Semula Papan Tanda

Memasang dan mengganti semula papan tanda yang lebih efektif beserta lampu amber adalah sangat penting bagi mengatasi isu kemalangan yang berlaku. Langkah ini bertujuan untuk memberikan peringatan dan amaran awalan kepada pengguna jalan raya supaya lebih berhati-hati semasa memandu di kawasan yang berbahaya selain memberi maklumat tambahan kepada pengguna jalan raya apabila melalui lokasi tersebut.

#### iii. Memasang dan Mengganti Semula *Retro Reflective Pavement Marker* (RRPM)

Pemasangan RRPM adalah bertujuan bagi meningkatkan delinasi terhadap permukaan jalan di garisan jalan terutama pada waktu malam dan juga hujan lebat. Perkara ini dapat membantu dan meningkatkan lagi tahap keselamatan dan penglihatan pengguna jalan raya semasa melalui kawasan yang berbahaya.

#### iv. Menjalankan Kerja-Kerja Pembaikan Turapan Jalan

Kerja-kerja menurap semula permukaan jalan yang rosak perlu dilakukan bagi meningkatkan nilai *skid resistance* agar menepati spesifikasi iaitu sekurang-kurangnya 45 SRV (*Skid Resistance Value*). Perkara ini dapat mengurangkan risiko kemalangan terbabas disebabkan permukaan jalan yang rosak dan licin.

#### v. Memasang dan Mengecat Semula *Transverse Bar*

Memasang dan mengecat semula *transverse bar* adalah sebagai langkah *traffic calming* untuk memberi amaran kepada pemandu agar berwaspada dan memperlahangkan kelajuan kenderaannya. Ini juga adalah antara teknik redaan lalulintas yang digunakan untuk menarik perhatian pemandu di mana kesan bunyi dan getaran akan terhasil apabila kenderaan melalui jalur-jalur tersebut. ‘Gangguan’ ini diharap akan mempengaruhi pemandu untuk memperlahangkan kelajuannya.

#### iv. Menjalankan Kerja-Kerja Penyelenggaraan

Kerja-kerja penyelenggaraan rutin seperti memotong dahan pokok yang menghalang papan tanda, mencuci papan tanda yang kotor, memotong rumput di bahu jalan, membaiki bahu jalan yang rosak, mencuci dan membaiki penghadang jalan dan sebagainya adalah perlu dijalankan bagi memastikan jalan raya berfungsi dengan baik dan selamat digunakan. Perkara ini penting bagi meningkatkan lagi tahap keselamatan pengguna jalan raya di samping dapat memastikan perabot jalan dalam keadaan yang baik dan selamat digunakan.

## 5.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, *blackspot* merupakan suatu lokasi yang mempunyai sejarah kerap berlaku kemalangan dan hendaklah dirawat dengan mengaplikasikan ciri-ciri rawatan untuk mengurangkan kadar kemalangan dan keparahan.

Pemilihan kaedah rawatan dan fasiliti yang diaplikasikan perlu mengambil kira keperluan serta kesesuaian di tapak dan dapat memberi pulangan tinggi iaitu *Low Cost, High Impact*.

## **RUJUKAN**

1. *Interim Guide On Identifying Prioritizing And Treating Hazardous Locations On Roads In Malaysia, Jabatan Kerja Raya Malaysia 1995.*
2. *Ir. Mohd Shahrom Bin Ahmad Saman, 16 Julai 2021, Webinar Wacana Teknikal ; Road Safety Pandemic :A Shared Responsibility.*
3. *Laporan Memperelok Kawasan Berbahaya Dari Tahun 2018 hingga Tahun 2021.*
4. *Manual Fasiliti Keselamatan Jalan, Cawangan Kejuruteraan Jalan dan Geoteknik, Jabatan Kerja Raya Malaysia 2014.*

Disediakan oleh:

Bahagian Audit & Program Keselamatan Jalan  
Pakar Kejuruteraan Jalan & Jambatan  
Cawangan Jalan  
JKR Malaysia

